



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
02 MEI 2019 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- Kembalikan Semula Laluan Kami

46-47

Sinar Harian

- Keputusan Hari Ini

24



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 02 MEI 2019 (KHAMIS)	
Akbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Kembalikan Semula Laluan Kami
Muka Surat	46-47

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
 Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my

Laluan alternatif ditutup, penduduk tanggung derita

'Kembalikan semula laluan kami'

um 2/5/19 +646-47

Oleh **NIK HAFIZUL BAHARUDDIN**
 pengarang@utusan.com.my

■ **AMPANG JAYA 1 MEI**

"SUDAH lebih 40 tahun kami guna laluan alternatif yang menghubungkan kami dengan Taman Kosas dan Taman Bukit Indah." Itu reaksi yang mewakili lebih 10,000 penduduk di Lembah Jaya Utara, Lembah Jaya Selatan dan beberapa kampung di sini yang kesal apabila laluan

melalui Kampung Tengah itu ditutup pemaju 18 Mac lalu. Pengerusi Persatuan Muafakat Lembah Jaya Utara, Sulaiman Mohd. Amin mendakwa, penutupan jalan tanpa mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dilaksanakan oleh pemaju bagi membangunkan sebuah projek perumahan di Lembah Jaya Utara sejak awal tahun lalu.

"Tindakan pemaju membina tembok kekal di situ adalah un-

tuk menjadikan laluan itu laluan persendirian. Pemaju juga mendirikan papan tanda penutupan jalan yang tidak disahkan oleh PBT," katanya ketika ditemui dalam bantahan bersama kira-kira 100 penduduk di sini baru-baru ini.

Sulaiman berkata, penutupan jalan itu juga membekankan golongan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah.

"Apabila jalan ditutup, ibu-bapa terpaksa menggunakan jalan besar iaitu Jalan Bukit Belacan, Jalan Ampang dan Jalan Kosas Utama yang lebih jauh untuk ke sekolah.

"Jalan berkenaan juga sering sesak kerana sedang dinaik taraf," ujarnya.

Katanya, ekoran penutupan laluan itu, jarak perjalanan yang dahulu hanya mengambil masa 20 minit berbasikal kini menjadi 40 minit terutama pada waktu puncak.

"Setiap hari pelajar sekolah dan penduduk berdepan risiko kemalangan di laluan yang lebih jauh, sempit dan berbahaya," katanya.

SEBUAH jambatan yang belum siap bagi menghubungkan laluan di Lembah Jaya Utara ke Jalan Bukit Belacan di Ampang, Selangor.

JALAN Bukit Belacan yang sedang dinaik taraf dan sesak teruk pada waktu puncak.

UTUSAN MALAYSIA • KHAMIS 02 MEI 2019

REAKSI

"PENUTUPAN jalan alternatif ini sangat menyusahkan ibu-bapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah kerana terpaksa menggunakan jalan utama yang lebih jauh, sesak, sempit dan berbahaya. Ia akan menjadi lebih teruk apabila terdapat kemalangan atau kenderaan rosak."

SULAIMAN MOHD. AMIN
 Pengerusi Persatuan Muafakat Lembah Jaya Utara

"KADANG KADANG saya tidak dapat menghantar pelajar sekolah tepat pada waktu ekoran keadaan trafik yang sesak pada waktu pagi di jalan utama, ditambah pula dengan kerja-kerja pembaikan jalan raya yang giat dilaksanakan."

MOHD. RAIS ZAKARIA
 Pemandu bas sekolah

"INILAH satu-satunya jalan alternatif kami melalui Taman Kosas, Taman Bukit Indah dan beberapa kampung lain. Saya minta supaya mereka membina jalan alternatif baharu jika tetap mahu meneruskan penutupan jalan di Kampung Tengah."

HASNAH HASSAN
 Penduduk Lembah Jaya Selatan

SEBAHAGIAN daripada penduduk yang menyertai bantahan penutupan laluan alternatif di Kampung Tengah, Ampang Jaya, Selangor.

Tambah beliau, walaupun penduduk telah membuat bantahan terhadap pemaju, permintaan penduduk di situ tidak dilayan.

"Kami minta pemaju dan mana-mana pihak berwajib datang berjumpa penduduk untuk berbincang dan menyelesaikan permasalahan ini.

"Jangan anggap penduduk di sini macam tidak wujud kerana kami juga ada hak dan kepentingan," katanya.

Ekoran bantahan itu, Sulaiman berkata, pihaknya turut membuat laporan polis terhadap beberapa pemaju projek di sekitar kawasan itu pada Khamis lalu.

"Kami turut menyerahkan surat bantahan yang sama kepada Pejabat Khidmat Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lembah Jaya dan Pejabat Parlimen Ampang untuk tindakan lanjut.

"Kami harap semua pihak yang berkenaan dapat campur tangan demi keselesaan penduduk di sini," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 02 MEI 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Keputusan Hari Ini
Muka Surat	24

24

AMPANG. HULU LANGAT

Keputusan hari ini

SH 215/19 MS 124

Siasatan masih dilakukan di lokasi

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Keputusan laporan siasatan berhubung insiden keretakan di Blok F Pangsapuri Taman Keramat Permai dijangka akan diketahui hari ini.

Pengurusan Bencana negeri, Ahmad Fairuz Mohd Yusof berkata, laporan kajian itu dilakukan Insitut Kerja Raya Malaysia (Ikram) dan perunding profesional.

"Keputusan akan diketahui esok (hari ini)," katanya ringkas melalui aplikasi WhatsApp, semalam.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Datuk Abd Hamid Hussain berkata, pihaknya dimaklumkan siasatan masih dijalankan di lokasi kejadian.

"Kita menjangkakan keputusan akan dikeluarkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melalui pihak perunding yang telah dilantik," katanya.

Menurut Abd Hamid, pihaknya juga akan berbincang dengan agensi berkaitan selepas keputusan diperolehi.

"Mangsa yang terlibat masih ditempatkan di Dewan Serbaguna AU2 Taman Keramat. Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pa-



Bangunan Blok F Pangsapuri Taman Keramat Permai yang dikesan mengalami retakan minggu lalu.

info

Mangsa masih ditempatkan di Dewan Serbaguna AU2 Taman Keramat

Agensi berkenaan telah menjalankan siasatan di lokasi kejadian sejak Sabtu lalu, sebelum mengemukakan laporan kepada kerajaan negeri untuk tindakan lanjut.

Seramai 222 penghuni bangunan empat tingkat Blok F di Flat Taman Keramat Permai pada Jumaat lalu diarahkan berpindah susulan keretakan dinding kediaman berkenaan.



ABD HAMID